

Koleksi Cerita Kanak-Kanak

Si Bongkok Lupa Diri



TAJUK: Si Bongkok Yang Lupa Diri



P

ada zaman dahulu kala,

tersebutlah kisah seorang hamba Allah yang bernama Si Bongkok. Si Bongkok hidup bersama-sama dengan ibunya yang sudah tua dalam pondok buruk yang usang. Mereka tinggal dalam Kampung Pulau.

Si Bongkok diejek dan dikeji oleh penduduk Kampung Pulau kerana rupanya hodoh dan badannya pula bongkok. Ibu Si

Bongkok selalu bersimpati dengan nasib anaknya. Namun, dia menerima semua itu sebagai suatu takdir.

"Kenapalah dengan nasib kamu, Bongkok?" keluh ibunya.

"Sudah nasib dan takdir saya jadi begini, ibu," jawab Si Bongkok.

"Tetapi, Bongkok cukup gembira kerana masih lagi mempunyai seorang ibu yang penyayang," ujar Si Bongkok.

Bagi Si Bongkok, biarlah orang lain dalam Kampung Pulau hendak memaki hamun atas nasib dirinya, tetapi dia

masih mempunyai ibu yang cukup penyayang.

"Ibu, suatu hari nanti, Bongkok akan menjadi manusia paling cantik dalam dunia ini," sambung Bongkok dengan begitu semangat.

"Semoga hasratmu termakbul, Bongkok," sambung ibunya sambil mengusap kepala Bongkok. Kelihatan linangan air mata membasahi pipi ibunya.



Pada suatu petang, ketika Si Bongkok sedang bersiar-siar keseorangan di pekan Kampung Pulai, sekumpulan pemuda kampung yang diketuai oleh Mat Derus telah mengepung Bongkok.

"Hoi, kawan-kawan semua! Lihat, tidak ada manusia yang paling hodoh, cacat, dan hina dalam Kampung Pulai ini, melainkan Si Bongkok ini," kata Mat Derus dengan nada angkuh dan sombong.

"Betul, Derus! Mari kita kacau si hodoh ini," sampuk kawan-kawan Mat Derus.

Si Bongkok berasa amat sedih dan

cukup hina kerana dirinya diperlakukan sedemikian.

Mat Derus dan kawan-kawannya terus meluru ke arah Si Bongkok. Mereka memukul dan meludah Si Bongkok. Si Bongkok tidak dapat berbuat apa-apa.

Orang ramai di pekan itu hanya mampu melihat sahaja nasib yang menimpa Si Bongkok. Mereka tidak dapat berbuat apa-apa kerana Mat Derus dan kawan-kawannya itu ialah samseng Kampung Pulai.

Setelah puas mereka mengerjakan Si

Bongkok, Mat Derus dan kawan-kawannya terus pergi dari situ. Si Bongkok pun berlalu sambil berkata di dalam hatinya, "Nantilah kau, Mat Derus! Jika aku ditakdirkan menjadi cantik, engkaulah manusia yang mula-mula aku kerjakan. Nantilah kau, nantilah."

Si Bongkok terus pulang ke teratak usangnya. Kelihatan ibunya sedang membersihkan halaman rumah.



"Si Bongkok, kamu dari mana ini?" tanya ibunya.

"Saya dari Pekan Pulai, ibu," jawab Bongkok.

Si Bongkok menceritakan apa yang telah berlaku di pekan Pulai tadi. Ibunya turut bersedih dan menasihatkan Si Bongkok bahawasanya Allah S.W.T. akan membalas seksaan kepada sesiapa yang menyeksa dan menyakiti hati orang lain, terutama orang yang cacat seperti Si Bongkok.

Pada suatu malam, Si Bongkok berehat di serambi teratak usangnya sambil mengenang akan nasibnya yang malang. Tiba-tiba dia didatangi oleh seorang lelaki tua

yang berpakaian begitu cantik dan dikelilingi oleh cahaya.

Si Bongkok tergamam seketika.

"Wahai pemuda yang bernama Bongkok! Aku telah lama mengetahui kisah hidupmu. Tetapi, janganlah kau bersedih hati. Aku boleh menolongmu. Mudah-mudahan kamu akan menjadi manusia yang cantik," kata lelaki tua itu.

Si Bongkok tersentak mendengar kata-kata lelaki tua itu.

"Betulkah?" tanya Si Bongkok.

"Tetapi bagaimana caranya, wahai

orang tua? Aku memang ingin menjadi cantik kerana aku tidak tahan dengan cacian dan hinaan oleh manusia yang tidak berhati perut di Kampung Pulau ini." tegas Si Bongkok.



Orang tua itu menambah "Senang sahaja Si Bongkok. Aku boleh tunaikan hajatmu itu, tetapi dengan satu syarat,"

"Apakah syaratnya?" soal Si Bongkok.

"Syaratnya, apabila engkau telah menjadi manusia yang cantik, engkau tidak boleh menjadi manusia yang sombong, bongkok, dan takbur. Engkau tidak boleh membalas dendam ke atas manusia yang pernah menghina dan mencaci engkau dahulu," tegas orang tua itu.

"Aku berjanji. Aku berjanji," jawab Si Bongkok.

Orang tua itu menambah, "Jikalau engkau melanggar syarat-syarat dan pantang larang tadi, kecantikan yang engkau miliki akan hilang. Engkau akan kembali menjadi hodoh dan cacat seperti

sediakala. Ingat, Si Bongkok!" suara orang tua itu hilang.

Tiba-tiba Si Bongkok tersedar daripada lamunan tadi. Dia merasakan suatu kelainan dalam dirinya. Hatinya berdebar-debar. Si Bongkok terus meluru ke cermin yang tergantung di dinding.

"Aku sudah cantik, aku sudah cantik sekarang, aku sudah cantik," laung Si Bongkok.

Si Bongkok terus mendapatkan ibunya yang sedang memasak di dapur. Ibunya tergamam seketika, anaknya yang

hodoh dan cacat sekarang ini telah menjadi seorang pemuda yang cantik dan menawan.



"Akhirnya termakbul permintaanmu, Bongkok," kata ibunya.

Mulai detik itu, hidup Si Bongkok telah berubah. Dia tidak lagi merasa hina diri. Si Bongkok terus ke Pekan Pulai dengan perasaan yang amat gembira.

"Wahai orang Kampung Pulai! Aku

hendak memberitahu kamu semua.

Jikalau kamu semua hendak tahu, akulah yang kamu keji, yang kamu hina, dan yang paling hodoh di dalam Kampung Pulai ini.

Akulah Si Bongkok," teriak Bongkok dengan perasaan bangga diri.

Semua orang di Pekan Pulai begitu hairan melihat perubahan yang berlaku ke atas Si Bongkok.

Si Bongkok mula rasa bangga diri dan sombong. Si Bongkok ingin membalas dendam ke atas Mat Derus yang selama ini selalu mengejeknya. Si Bongkok terus menuju ke rumah Mat Derus.

Dengan perasaan marah, Si Bongkok memanggil Mat Derus tanpa memberi salam terlebih dahulu, "Wahai Mat Derus, keluar kamu!"

Mat Derus muncul di pintu depan.



"Siapa kamu ini? Bertandang ke rumah orang tanpa memberi salam," kata Mat Derus.

"Ha! Ha! Ha! Ha! Engkau sudah lupa wahai manusia berhati busuk. Akulah Si Bongkok yang selalu dimaki dan dicaci oleh kamu," tambah Si Bongkok.

"Si Bongkok?" tanya Mat Derus dengan perasaan begitu hairan dan terkejut melihat perubahan diri Si Bongkok.

Si Bongkok sudah lupa dengan perjanjian yang telah dibuat dengan orang tua tersebut. Dia mula takbur dan sombong dengan kecantikan yang diberikan kepadanya.

"Wahai Mat Derus! Akulah pemuda

yang paling cantik di Kampung Pulau ini sekarang. Engkau adalah lelaki yang paling hodoh," kata Si Bongkok.

Selepas terlucut kata-kata daripada mulut Si Bongkok, tiba-tiba berlaku kejadian ribut yang kuat. Si Bongkok baru teringat akan janjinya dengan orang tua itu.

"Ya Allah, aku telah mungkir janji," kata Si Bongkok.

"Aku akan jadi seperti Bongkok yang hodoh dahulu," tambahnya dengan nada kesal.

Tetapi kekesalan di hati Bongkok sudah terlewat. Dia terus berlari pulang untuk mendapatkan ibunya.



Dia cukup menyesal. Setelah sampai di teratak buruknya, dia merasakan bentuk badannya telah berubah.

"Ibu, maafkan Si Bongkok," lalu Si Bongkok rebah di pangkuan ibunya.

Sekarang Si Bongkok telah berubah menjadi Si Bongkok yang asal.

"Sudahlah anakku! Disebabkan oleh takbur dan sombong kamu, maka kecantikan yang engkau miliki telah dirampas balik. Terimalah ujian ini sebagai suatu takdir," kata ibunya.

Akhirnya Si Bongkok kembali kepada kehidupannya seperti dahulu kerana sifat lupa dirinya itu. Dia menerima takdir yang ditentukan ke atas dirinya.

Sekian

Koleksi Cerita Kanak-Kanak


Tali Pinggan Raja Sulaiman





Pada suatu hari, Sang Kancil keluar mencari makanan. Sang Kancil merayau-rayau ke sana dan ke mari. Namun, tiada sebarang makanan ditemuinya.

"Apalah malangnya nasibku hari ini! Tiada apa yang dapat kumakan," Sang Kancil mengeluh sendiri.



Di pertengahan jalan, Sang Kancil terserempak dengan Sang Sawa. Mujurlah Sang Sawa itu sedang tidur. Kalau tidak tentulah nahas Sang Kancil.

"Mujurlah aku tidak menjadi mangsa Sang Sawa itu," ujar Sang Kancil dalam hatinya.



Oleh yang demikian, Sang Kancil cepat-cepat melangkah pergi.

Namun, tanpa disangka-sangka, Sang Kancil terserempak pula dengan Sang Belang. Menggigillah Sang Kancil kerana berasa sangat takut.



"Matilah aku kali ini!" fikir Sang Kancil.

"Ha, ha, ha!" Sang Belang ketawa.

"Sekarang engkau tidak dapat lari lagi. Engkau akan menjadi makananku," kata Sang Belang.



"Engkau jangan ganggu aku. Raja Sulaiman tentu akan murka pada engkau, wahai Sang Belang!" kata Sang Kancil setelah mendapat suatu akal.

Sang Belang terkejut mendengar kata-kata itu. Sang Belang sangat takut pada Raja Sulaiman.



"Mengapakah engkau berkata demikian?" Sang Belang ingin tahu.

"Aku sedang menjaga tali pinggang Raja Sulaiman," jawab Sang Kancil.

Sang Belang tidak percaya. Sang Belang mahu melihat tali pinggang itu.



Sang Kancil lalu membawa Sang Belang ke tempat Sang Sawa. "Inilah tali pinggang Raja Sulaiman," kata Sang Kancil.

Sang Belang ingin memakai tali pinggang itu. Sang Kancil berpura-pura tidak membenarkannya.

"Aku tidak peduli!" ujar Sang Belang.




Sang Belang terus memakai tali pinggang itu. Apalagi! Sang Sawa pun terus membelit Sang Belang.

"Tolong! Tolong!" Sang Belang meminta tolong. Tetapi sia-sia sahaja. Akhirnya, matilah Sang Belang.

Sang Kancil yang cerdik itu sudah lari.

Koleksi Cerita Kanak-Kanak

Tiga Ekor Ayam





Di pinggir sebuah hutan, tinggal tiga ekor ayam betina.

Tempat tinggal mereka berhampiran dengan kampung dan sawah. Oleh itu, tiadalah sebarang masalah bagi mereka untuk mencari makanan.

Mereka boleh mencari makanan di pinggir hutan. Mereka boleh pergi mencari makanan di tepi kampung.

Pada musim padi masak pula, mereka boleh pergi ke sawah untuk makan padi.

Pendek kata, mereka hidup dalam keadaan aman dan bahagia.

Ke mana-mana sahaja mereka pergi, mereka selalu bersama-sama. Mereka tidak pernah mementingkan diri sendiri. Mereka sering tolong-menolong antara satu dengan lain.

Pada suatu ketika, berlakulah musim kemarau.

Tumbuhan banyak yang mati.
Pokok-pokok besar pula hanya tinggal ranting. Semua daun telah gugur.
Malah, tanaman padi juga banyak yang tidak menjadi.

Oleh hal yang demikian, payahlah ketiga-tiga ekor ayam itu hendak mencari makanan. Tambahan pula, cuaca panas sangat terik.

"Apakah ikhtiar kita sekarang?"
ayam pertama bertanya.



"Entahlah! Tidak tahu apa lagi yang harus kita lakukan sekarang. Makanan sudah semakin payah untuk dicari," jawab ayam kedua.

"Kita harus berjimat-cermat. Tiap-tiap hari, kita mesti makan sedikit sahaja. Makanan yang lebih haruslah disimpan," sampuk ayam ketiga.

Setiap hari, mereka terpaksa pergi jauh untuk mencari makanan.

Pagi-pagi lagi, mereka sudah harus keluar mencari makanan. Lewat petang, barulah mereka pulang.

Itu pun kadang-kadang mereka pulang dengan perut yang lapar.

Ada ketikanya, mereka tidak berjaya menemui sebarang makanan. Ada ketikanya, makanan yang mereka temui hanyalah sedikit sahaja.

Mereka terpaksa berkongsi makan makanan yang sedikit itu.


"Kalau musim kemarau ini berterusan, matilah kita sekali ini!" kata ayam kedua.

"Jangan mudah berputus asa! Kita

harus tetap bersabar," ayam pertama menasihatinya.

Pada suatu hari, ayam ketiga berlari pulang. Ketika itu, ayam pertama dan kedua belum keluar mencari makanan.

"Wahai kawan-kawanku! Wahai kawan-kawanku!" ayam ketiga menjerit-jerit.



Ayam pertama dan kedua terkejut mendengar jeritan tersebut. Mereka segera pergi menemui ayam ketiga itu.

"Mengapa? Apakah yang telah terjadi?" ayam pertama bertanya dengan perasaan cemas.

Ayam kedua juga cepat bertanya, "Adakah engkau dikejar oleh ular sawa?"

Ayam ketiga masih tercungap-cungap. Ayam ketiga sangat kepenatan kerana berkejar pulang.

"Mengapa?" ayam pertama bertanya lagi.

"Aku terjumpa padi. Masih ada tiga biji padi pada tangkainya," jelas ayam ketiga.

Gembiralah ayam pertama dan kedua mendengar berita itu. Tanpa berlengah lagi, mereka segera pergi ke tempat itu.

Melelehlah air liur mereka melihat padi itu.

Mereka sangat kempunan hendak

makan padi. Sudah lama mereka tidak makan padi.

Mereka lalu memetik padi itu. Tetapi sebelum sempat mereka makan padi itu, tiba-tiba ayam pertama bersuara.



"Wahai kawan-kawanku, janganlah kita makan padi ini!" kata ayam pertama.

Ayam kedua dan ketiga merasa sangat hairan mendengar kata-kata itu. "Mengapakah pula begitu?" tanya ayam kedua.

"Lebih baiklah kita simpan padi ini. Besok-besok kita boleh tanam padi ini. Apabila berbuah, tangkainya mengeluarkan lebih banyak padi," ayam pertama memberikan cadangan.

"Apabila masak bolehlah kita makan," kata ayam pertama lagi.

Ayam kedua dan ketiga bersetuju dengan cadangan itu.

Melelehlah air liur mereka berdua kerana sangat teringin makan padi itu. Tetapi apa boleh buat? Mereka terpaksa patuh pada nasihat tersebut.

Mereka lalu menyimpan tiga biji padi itu di bawah tempurung.

"Sang Tikus tidak akan tahu kita menyembunyikan padi ini di sini," ujar ayam pertama.

Mereka sangat gembira.

Pada sebelah malamnya, ayam pertama berasa tersangat lapar.

Perutnya terasa sakit kerana tidak dapat menahan lapar.

Mahu tidak mahu, terpaksa ayam pertama mengambil keputusan untuk pergi mengambil padi itu.



"Kalau aku hanya makan sebiji padi, masih ada dua biji lagi yang boleh ditanam," fikirnya dalam hati.

Tanpa berlengah lagi, ayam pertama segera pergi makan sebiji padi itu.

Tidak lama kemudian, ayam kedua juga berasa lapar. Ayam kedua tidak dapat menahan rasa laparnya.

Oleh yang demikian, ayam kedua terus pergi makan sebiji padi itu.

"Aku hanya makan sebiji padi sahaja. Masih ada dua biji padi lagi untuk ditanam," ujarnya dalam hati.

Tidak lama selepas itu, ayam ketiga pula berasa lapar. Lagipun,

sejak siang tadi, ayam ketiga memang sangat terliur hendak makan padi.

"Tentulah tidak mengapa, kalau aku hanya makan sebiji padi sahaja. Masih ada dua biji padi lagi untuk ditanam," fikirnya dalam hati.

Tanpa bertangguh-tangguh lagi, ayam ketiga segera pergi makan sebiji padi itu.

Kira-kira sebulan kemudian, barulah tiba musim hujan. Mereka bersorak-sorak kegembiraan. Mereka tahu, tumbuh-tumbuhan akan hidup subur semula.



"Marilah kita pergi menanam padi simpanan kita," kata ayam pertama.

Mereka lalu pergi ke tempat tempurung itu. Tetapi alangkah terkejutnya mereka kerana mendapati sudah tiada sebiji padi pun lagi.

"Aku hanya makan sebiji padi sahaja. Tetapi bagaimanakah dua biji

padi lagi itu boleh hilang?" kata ayam pertama.

Ayam kedua dan ketiga turut menceritakan kisah sebenar.

"Aku pun hanya makan sebiji padi sahaja," ujar ayam kedua.

"Aku juga hanya makan sebiji padi saja," jelas ayam ketiga pula.

"Itulah sebabnya semua padi kita sudah tiada lagi," sampuk ayam pertama.

Mereka berasa sangat malu atas

perbuatan mereka itu.

Mereka berasa sangat menyesal kerana mereka mementingkan diri sendiri. Akibatnya, semua padi itu sudah tiada lagi.

Oleh yang demikian, tiadalah dapat mereka menanam padi itu.

NILAI MURUNI



Sesungguhnya, sikap tidak amanah bukanlah suatu nilai yang murni. Demikianlah juga halnya dengan sikap tidak bertanggungjawab. Sikap buruk ini akan membawa kepada kerugian dan kebinasaan.

Oleh yang demikian, kita haruslah sentiasa mengamalkan nilai-nilai murni seperti amanah, jujur, dan bertanggungjawab.

Nilai-nilai murni tergolong sebagai akhlak mulia. Nilai-nilai murni akan membawa kepada kemuliaan dan kejayaan dalam hidup.

Koleksi Cerita Kanak-Kanak

Tikus Bermesyuarat





Di dalam sebuah rumah, tinggal sekumpulan tikus. Semua tikus itu hidup aman dan bahagia. Mereka selalu dapat mencuri makanan.

Mereka tidak pernah merasa risau tentang makanan. Mereka selalu dapat makan sehingga kenyang.




Pada suatu hari, tuan rumah itu membawa pulang seekor kucing. Kucing itu besar dan garang. Tuan rumah itu memelihara kucing tersebut.

Semua tikus merasa sangat susah hati. Mereka takut pada kucing itu. Mereka tidak bebas mencari makanan seperti dahulu lagi.



Pada suatu hari, semua tikus itu bermesyuarat. Salah seekor tikus berkata, "Kita gantungkan loceng pada leher kucing itu."

Semua tikus bersetuju. Mereka sangat gembira dengan cadangan itu.



"Kalau kucing itu datang, loceng di lehernya akan berbunyi. Kita boleh lari. Kita akan selamat," kata mereka.

"Tetapi siapakah yang berani pergi gantungkan loceng itu?" tanya seekor tikus lagi.




Tiada siapa yang berani menjawab soalan itu. Tiada siapa yang berani pergi menggantungkan loceng itu.

Akhirnya, mereka terpaksa berpindah dari situ.

Koleksi Cerita Kanak-Kanak

Tiong Melarikan Kalung





Di atas sebatang pokok di pinggir sebuah hutan, tinggal sepasang burung tiung. Mereka mempunyai dua ekor anak yang masih kecil.

Pada suatu hari, mereka mendapati anak mereka tiada lagi di dalam sarang. "Mungkin anak kita terjatuh ke tanah," kata tiung jantan.



Mereka cuba mencari di bawah pokok. Rupa-rupanya di bawah pokok itu terdapat seekor ular sawa. Tahulah mereka bahawa anak mereka telah

dimakan oleh ular sawa.

Tiung jantan tidak sempat melarikan diri.
Tiung jantan ditangkap oleh ular sawa. Matilah
tiung jantan ditelan oleh ular sawa.



Tiung betina merasa sedih. Namun, tiung
betina tidak berputus asa. Tiung betina segera
terbang ke istana raja.

Ketika itu, puteri raja sedang bersiram
(mandi) di dalam kolam. Tiung betina melihat di
tepi kolam itu terdapat seutas kalung. Kalung itu
kepunyaan puteri raja.




Tiung betina segera mengambil kalung itu. "Tolong! Kalung beta dicuri oleh burung," puteri raja itu menjerit.

Beberapa orang pengawal segera mengejar tiung betina. Tiung betina melarikan kalung itu ke tepi hutan.



Tiung betina melemparkan kalung itu di hadapan ular sawa.

Apabila pengawal tiba, mereka segera membunuh ular sawa itu. Kemudian mereka mengambil kalung itu semula.



Demikianlah balasan yang diterima oleh ular sawa yang jahat itu. Setiap perbuatan jahat pasti akan menerima balasan buruk.

Koleksi Cerita Kanak-Kanak

Wali Kucing 1





Di dalam lubang paip itulah Tunggal tinggal dan bersembunyi daripada musuh. Walaupun tempat itu tidak selesa tetapi Tunggal terpaksa juga tinggal di situ.

Lubang paip itu ialah hujung saluran paip sebuah sink tempat membasuh pinggan mangkuk di sebuah warung. Pinggan mangkuk yang berisi sisa makanan dibuang ke dalam sink lalu mengalir masuk ke dalam lubang paip dan keluar semula ke dalam longkang. Sisa makanan yang keluar daripada lubang paip itulah menjadi makanan Tunggal setiap hari. Tunggal tidak payah bergerak ke mana-

mana untuk mencari makanan. Daripada lubang paip itu keluar pelbagai jenis makanan seperti tulang ayam, kepala ikan, nasi, roti, dan lain-lain lagi.

Di situlah sumber rezeki Tunggal setiap hari. Kalau tidak ada lubang paip itu, mungkin Tunggal sudah lama mati. Mungkin ia mati kebuluran atau mati dibunuh oleh Serangkus. Serangkus selalu mengejar Tunggal jika mereka terserempak. Jika Tunggal dikejar oleh Serangkus, ia cepat-cepat lari menyembunyikan diri dalam lubang paip itu.

Tunggal selamat dalam lubang paip itu. Tidak ada siapa pun yang boleh masuk ke dalam lubang itu kerana sempit dan gelap.

Serangkus dan kumpulan tikus lain di kawasan itu besar-besar belaka. Lebih besar daripada kucing. Sebab itulah kucing takut kepada mereka. Jika dulu kucing selalu mengejar mereka, kini mereka pula mengejar kucing.



Kawasan Kedai Payung kini dikuasai oleh tikus. Mereka berkuasa. Mereka ramai dan kuat. Hidup mereka juga mewah kerana di situ terdapat banyak makanan. Sisa-sisa makanan yang dibuang oleh peniaga makanan di Kedai Payung ke dalam longkang menjadi sumber rezeki tikus-tikus itu.

Bertahun-tahun mereka mendapat makanan yang berzat sehingga akhirnya mereka membesar. Tidak lagi kerdil seperti tikus-tikus generasi lama. Tikus-tikus generasi lama kecil kerana tidak cukup makan. Perkembangan fizikal tikus-tikus itu terbantut kerana tidak cukup zat makanan.

Tikus-tikus itu hanya makan padi atau beras. Tetapi tikus sekarang makan sayur, telur, mentega, roti, dan daging. Sebab itu mereka sihat dan besar. Kebanyakan peniaga makanan di Kedai Payung tidak menjaga kebersihan. Mereka membuang sisa makanan sesuka hati. Kedai mereka juga agak kotor. Di dalam kedai mereka terdapat kotak, kertas, sawang, dan tong yang menjadi sarang tikus. Sebab itu kawasan di Kedai

Payung terlalu banyak tikus yang besar-besar.

Ada di antara tikus-tikus itu berpenyakit, berkudis, dan badan mereka licin tanpa bulu. Kalau ada pelanggan yang sedang makan, mereka hilang selera apabila ternampak tikus-tikus itu. Tikus-tikus itu pula amat berani. Mereka muncul dan berjalan-jalan di bawah meja tidak kira siang atau malam.



Kedai Payung memang terkenal sebagai tempat menjamu selera. Kawasan itu menjadi tumpuan ramai, terutama sekali jika ada perlawanan bola sepak semi-pro. Orang ramai juga selalu berkunjung ke situ apabila ada pertunjukan di stadium. Di seberang jalan Kedai Payung, terdapat pula sebuah hotel terkenal. Ada juga penginap hotel itu turun makan di Kedai Payung.

Tidak hairanlah, kalau Kedai Payung menjadi popular sebagai medan menjamu selera. Di sinilah tinggalnya seekor kucing yatim piatu bernama Tunggal. Tunggal baru berumur tiga bulan. Bapanya mati dilanggar lori ketika menyeberang jalan dari Hotel Mahligai ke Kedai Payung.

Ketika Tunggal dilahirkan, bapanya sudah lama meninggal. Menurut kata ibunya, bapanya mati kerana cedera parah setelah dilanggar oleh lori. Pada suatu hari, ibu Tunggal mengidam hendak makan makanan yang amat sedap. Makanan sedap tidak ada di Kedai Payung. Makanan itu hanya ada di Hotel Mahligai.

Banyak sisa makanan yang dibuang oleh pekerja hotel. Makanan inilah menjadi rebutan tikus dan kucing. Ibu Tunggal tahu di hotel itu banyak makanan. Ibu Tunggal selalu pergi ke hotel itu mencari bubur sirip Ikan Yu. Ia suka makanan itu.

"Pergilah ke hotel itu. Saya mengidam nak makan bubur sirip Ikan Yu. Di

sana mesti ada," kata ibu Tunggal kepada bapa Tunggal.



"Jangan mengarutlah. Sirip Ikan Yu mahal. Apatah lagi buburnya. Takkan ada yang terbang," jawab bapanya.

"Ada. Semalam saya dengar di hotel tu ada jamuan orang-orang besar. Mesti bubur ini dihidangkan. Orang besar tak makan banyak. Bubur mesti lebih. Mana yang lebih dibuang oleh pekerja hotel. Awak carilah di tempat membuang sampah," kata

ibunya.

Bapa Tunggal menurut sahaja kata isterinya. Ia pun pergi ke hotel. Memang benar, terdapat banyak bubur terbang. Masih baru dan sedap. Bapa Tunggal makan sampai kenyang. Setelah mengisi bubur itu dalam beg plastik, bapa Tunggal cepat-cepat beredar dari situ. Jika lambat beredar, mungkin tikus akan datang menyerang. Kawasan hotel itu dikuasai oleh tikus.

Bapa Tunggal cukup gembira kerana dapat membawa pulang bubur itu. Oleh sebab terlalu gembira, bapa Tunggal lupa diri. Ketika menyeberang jalan, bapa Tunggal tidak nampak sebuah lori sedang mara. Ketika berlari menyeberang itulah bapa Tunggal dilanggar lori. Dia mati di tempat

kejadian.

Ibu Tunggal yang menunggu di rumah tertanya-tanya kenapa suaminya masih belum pulang. Setelah dua hari menunggu, barulah ia tahu suaminya mati. Sedih hatinya tidak terkira. Berhari-hari ibu Tunggal menangis. Akhirnya dia jatuh sakit.



Demamnya semakin kuat. Ibu Tunggal fikir, jika penyakitnya tidak diubat, mungkin akan mati. Ia mesti pergi mencari ubat. Di seberang jalan, dekat hotel ada sebuah klinik swasta. Di situ, ada ubat yang terbang. Ia mesti dapatkan ubat ini.

Sebelum ini pun acap kali ibu Tunggal pergi mencari ubat.

Doktor klinik itu selalu membuang ubat lama. Ubat ini amat mujarab. Penyakit ibu Tunggal boleh sembuh. Dalam keadaan yang amat lemah, ibu Tunggal berjalan perlahan-lahan. Setelah memberi susu kepada Tunggal, ibunya keluar dari rumah.

Ibu Tunggal merangkak perlahan-lahan melalui celah-celah kerusi kedai makan. Tiada siapa yang menolongnya. Ketika melalui bawah meja makan dalam sebuah kedai, ibu Tunggal dipijak oleh seorang pelayan kedai. Pelayan kedai itu cukup marah kerana kucing berada di kakinya. Pelayan kedai itu

menyepak ibu Tunggal. Sepakan pelayan kedai itu tepat ke perdu pipi ibu Tunggal.



Terlalu lama untuk ibu Tunggal hendak sampai ke tepi jalan, walaupun jaraknya hanya sepuluh meter sahaja. Nasib baik dalam perjalanannya tidak ada manusia yang mengganggu. Tikus-tikus besar yang lalu lalang pun tidak peduli. Jadi selamatlah ibu Tunggal sampai ke tepi jalan.

Bagaimana ia hendak menyeberang jalan? Kenderaan terlalu banyak. Tidak ada ruang langsung hendak melintas ke

seberang, kalau ada pun tidak sempat menyeberang kerana ia tidak boleh bergerak cepat. Ia cuba hendak menyeberangi jalan tetapi datang lagi kereta. Lepas kereta, motosikal. Lepas motosikal, datang beca. Lepas beca, datang lori. Ada-ada sahaja kenderaan yang lalu.

"Celaka, banyak sangat kenderaan. Ke mana manusia hendak pergi? Tak tahu ketika, tak tahu masa, ada saja yang bergerak," bisiknya. Tiba-tiba jalan raya menjadi kosong seketika. Ibu Tunggal ada peluang menyeberang jalan. Ia cepat berlari. Sedaya upaya ia menarik kakinya supaya cepat melangkah. Ibu Tunggal merasa pergerakannya cukup laju tetapi yang sebenarnya perlahan.

Ketika ibu Tunggal berada di tengah-tengah dada jalan, datang sebuah kereta sport dari sebatang jalan lain. Kereta itu masuk ke jalan besar menuju ke pusat bandar. Ibu Tunggal nampak kereta itu datang. Jika dalam keadaan sihat, tidak ada masalah, ia sempat lari. Hari itu ia sakit. Ia cuba mengelak, tetapi pergerakannya amat perlahan.



Kereta itu melanggar dan mengheret badan ibu Tunggal. Berkecai badan ibu Tunggal. Di atas jalan kelihatan cebisan daging badan

ibu Tunggal merah-merah. Kasihan ibu Tunggal. Ia mati tanpa bangkai lagi. Hancur lebur bagai tepung gandum yang digiling. Tunggal di rumah tidak tahu apa-apa. Sudah lama Tunggal tinggal keseorangan. Bapanya tidak balik, ibunya juga tidak pulang. Akhirnya Tunggal agak ibu dan bapanya sudah mati.

Tunggal merangkak keluar dari lubang paip itu. Perutnya terasa amat lapar. Dari lubang itu mengalir makanan. Di situlah Tunggal mendapatkan makanannya. Pada mulanya, ia hanya meminum air susu dan air beras yang mengalir dari lubang itu. Setelah beberapa lama Tunggal mencuba makanan lain. Akhirnya Tunggal pandai makan. Tunggal membesar dan boleh hidup

sendirian. Ia cuba keluar dari lubang itu. Pada suatu pagi, Tunggul keluar dari lubang itu.

"Wah! Terangnya di luar. Indahnya alam," bisik Tunggul sebaik saja kepalanya menjenguk keluar. Tunggul cuba keluar jauh lagi. Di sinilah baru ia tahu rupa-rupanya di luar amat luas. Ada orang, ada kereta, ada kucing lain, dan ada tikus. Sebaik sahaja Tunggul hendak bergerak, ia nampak seekor tikus mara ke arahnya. Pada mulanya Tunggul tidak kenal tikus kerana ia tidak pernah melihat tikus. Tunggul fikir tikus tidak bahaya kerana nampak baik. Tiba-tiba tikus itu menerkam Tunggul. Tunggul sempat mengelak. Tunggul jatuh ke dalam longkang.

Koleksi Cerita Kanak-Kanak

Wali Kucing 2





Tikus terus menerkamnya. Tunggal amat takut lalu lari dan masuk semula ke dalam lubang paip. Tikus cuba masuk tetapi tidak muat. Tunggal berlari masuk semakin jauh ke dalam. Tikus itu cuba menghulur tangannya. Tunggal melihat tangan tikus cuba memegangnya. Tunggal sakit hati kerana ia tidak berbuat salah. Lalu ia menggigit tangan tikus. Tikus cepat-cepat menarik tangannya sambil menjerit kesakitan. Tikus itu terus lari.

Hari demi hari berlalu. Tunggal semakin besar. Ia tidak boleh hidup bebas. Tunggal

selalu menjadi mangsa buruan tikus dan kucing-kucing lain. Tunggal tidak boleh berjalan seperti kucing lain. Ia sentiasa berhati-hati. Silap sedikit, besar padahnya. Akhirnya lubang paip tempat Tunggal bersembunyi tidak boleh dimasuki lagi. Badan Tunggal semakin besar. Ia tidak boleh meloloskan dirinya. Tunggal terpaksa mencari tempat baru.

Pada suatu hari, Tunggal keluar dari tempat persembunyiannya. Apabila dipastikan tidak ada musuh, Tunggal terus berlari dengan lajunya ke arah hotel. Ia berlari sekuat hati lalu menyeberangi jalan. Ketika itu datang sebuah kereta yang dipandu oleh seorang wanita. Wanita itu terperanjat apabila keretanya hampir

terlanggar Tunggal. Wanita itu membrek keretanya serta-merta kerana terperanjat. Sebuah kereta lain dari belakang lalu melanggar kereta wanita itu. Sebuah kereta dari depan juga melanggar kereta wanita itu.



Diikuti pula oleh beberapa buah kereta dari belakang melanggar kereta di belakang kereta wanita itu. Beberapa buah motosikal yang ditunggang oleh sekumpulan pemuda tiba-tiba merempuh kereta dari depan. Akhirnya terjadilah satu kemalangan besar menyebabkan beberapa orang mati dan

tercedera. Sekejap sahaja kawasan itu dikerumuni oleh manusia. Pihak bomba, anggota polis, dan ambulan juga datang untuk membantu.

Tunggal yang menjadi punca kemalangan terus bersembunyi dalam lubang paip yang terletak di hotel. Ia tidak tahu apa-apa. Ia cuma mendengar dentuman kuat, diikuti pekikan suara manusia. Sekarang Tunggal mendapat tempat baru. Ia cuba meninjau keadaan sekitar. Selamat, tetapi keadaan itu hanya seketika kerana sebaik sahaja Tunggal keluar, ia dikejar pula oleh bapa kucing yang besar. Bapa kucing itu marah kerana ada kucing lain di kawasannya.

Tunggal sempat melarikan dirinya lalu

bersembunyi dalam raga bawang. Sebaik sahaja ia masuk, seekor kucing lain mengejar Tunggal. Tunggal berlari dengan lajunya lalu melompat ke dalam sebuah tong sampah. Ia terus bersembunyi dalam tin Milo yang besar. Kucing yang mengejarnya turut melompat masuk. Kucing itu mencari Tunggal. Tunggal mendiamkan diri dalam tin itu. Kucing itu cuba mengintai Tunggal dalam tin Milo tetapi tidak nampak kerana Tunggal hadapkan mulut tin itu ke arah dinding tong sampah.



"Celaka, ke mana anak kucing sial ini menghilangkan diri? Kalau aku jumpa, aku ratah-ratah daging engkau," kata kucing itu. Kecut hati Tunggal mendengar bisikan kucing itu. Tunggal cuba sedaya upaya untuk mengecilkan lagi tubuhnya supaya tidak kelihatan.

Sebentar kemudian tin milo itu bergerak-gerak. Rupa-rupanya kucing itu cuba menggolek tin itu. Tunggal terpaksa mengikut saja arah tin itu digolek.

Tunggal berasa tidak yakin lagi ia akan selamat kalau terus sahaja bersembunyi dalam tin itu. Tunggal melompat keluar dan terus terjun dari tong sampah. Tunggal lari

sekuat-kuat tenaga. Sambil berlari ia berfikir ke mana dia akan bersembunyi. Dari belakang, kucing itu sayup-sayup mengejarnya. Semakin lama semakin jauh. Kucing itu tidak terdaya lagi mengejar Tunggal yang memecut laju itu.

Akhirnya Tunggal selamat. Kucing itu tidak lagi mengejarnya. Tunggal tidak yakin keselamatannya akan terus terjamin. Ia mesti berhati-hati. Musuhnya dalam bandar ini terlalu banyak. Tunggal yang keletihan mencari-cari tempat selamat. Ia berehat untuk menghilangkan penat. Tunggal cuba meninjau-ninjau ke arah hotel.

"Kalau aku dapat masuk dalam lobi hotel ni, aku selamat," bisiknya.



"Tapi nak masuk macam mana? Pintu sentiasa tertutup. Kalau ada manusia masuk, baru pintu ini terbuka dengan sendirinya," katanya.

Pintu besar Hotel Mahligai itu terbuka secara automatik. Pintu itu menggunakan cahaya. Kalau ada manusia mendekatinya, pintu itu terbuka dengan sendirinya. Setelah manusia berlalu, pintu itu tertutup. Tiba-tiba Tunggal dapat satu akal. Ia harus masuk ke dalam hotel itu. Kalau ia berjaya

masuk, hidupnya pasti mewah. Tunggal boleh bersembunyi di dapur hotel.

Di dapur hotel banyak makanan. Makanan pula sedap-sedap. Tunggal cuba mendekati pintu hotel. Ia menunggu di tepi pintu dengan berhati-hati. Matanya liar ke kanan dan ke kiri. Tidak lama kemudian, kelihatan satu keluarga Orang Putih turun dari motokar. Hotel Mahligai sering menjadi tumpuan pelancong asing. Orang Putih, Orang Arab, Orang Jepun, dan pelbagai bangsa yang datang melancong ke Kelantan akan menginap di Hotel Mahligai. Hotel ini bertaraf antarabangsa atau lima bintang.

Keluarga Orang Putih itu turun. Mereka lima beranak. Seorang ayah, seorang ibu,

dan tiga orang anak. Mereka terus menuju ke pintu. Tunggal bersiap sedia untuk mengekori keluarga Orang Putih itu. Sebaik sahaja keluarga Orang Putih itu tiba di muka pintu, daun pintu terbuka. Tunggal secepat kilat melompat masuk. Ketika Tunggal melompat masuk, Orang Putih itu terperanjat.



Suaminya terperanjat besar lalu membuang beg dan berjoget. Dia menyebut perkataan "Cat, oh, cat, oh cat" beberapa kali sambil menari-nari. Anak-anak dan

isterinya berdekah-dekah. Rupa-rupanya Orang Putih itu melatah.

Tunggal berjaya masuk ke dalam hotel. Nasib baik pekerja hotel tidak nampak. Jika tidak, Tunggal mesti dihalau. Tunggal terus berlari ke arah belakang dan bersembunyi di rimbunan pokok puding dalam taman hotel. Di situ terdapat sebuah kolam mandi. Tunggal meninjau keliling kolam. "Buk!" Tiba-tiba satu benda jatuh dekat Tunggal. Tunggal terperanjat. Ia hendak lari. Tetapi tidak jadi bergerak apabila melihat benda yang jatuh itu ialah tin minuman yang dibuang manusia.

"Pengotor manusia ni. Buang sampah merata-rata. Sepatutnya manusia ni tahu

menjaga kebersihan," bisiknya marah kerana terperanjat. Tunggal terus merayau-rayau dalam hotel tanpa gangguan. Tunggal melalui sebuah bilik. Di dalamnya itu kelihatan ramai orang Cina. Mereka berpakaian tukang masak. Ada lelaki dan perempuan.

"Eh, di hotel ini pun ada tukang masak Cina? Oh, untuk orang Cina!" bisik Tunggal. Sebenarnya di hotel itu ada berbagai-bagai bangsa. Ada tukang masak Inggeris, Arab, Perancis, Jepun, dan Belanda.



"Aku mesti cari dapur Melayu. Makanan lain tak boleh makan. Sakit perut," bisik Tunggal. Akhirnya Tunggal sampai ke bilik dapur masakan Melayu. Ia nampak ramai tukang masak berpakaian putih sedang bertugas. Tunggal masuk susup-sasap di celah-celah pokok bunga. Ia mesti bersembunyi di situ buat sementara. Tunggal yakin sisa makanan akan dibuang di kawasan itu. Ia nampak banyak tulang ayam berselerak di atas tanah.

Tiba-tiba Tunggal mengiau dengan kuatnya. Ia melompat dan terus cabut lari. Beberapa batang pokok bunga dirempuhnya. Satu cecair disimbah ke atas tubuhnya.

"Aduh! Panas! Mati aku!" kata Tunggal sambil berlari. Rupa-rupanya Tunggal disiram air panas. Seorang tukang masak datang membawa seperiuk air panas lalu mencurahkan air itu betul-betul di tempat Tunggal bersembunyi.

Air itu masih panas, melecur kalau terkena. Tukang masak di situ selalu menyimbah air panas untuk membunuh semut gatal di kawasan itu kerana banyak makanan terbang. Tunggal berhenti dan bersembunyi dalam longkang. Badannya menggigil kerana sakit. Dua tiga tompok bulunya gugur. Kelihatan kulitnya merah dan melecur. Tunggal tidak dapat bergerak kerana masih sakit. Ia cuba mencari sesuatu

untuk mengubatkan kulitnya. Nasib baik di kawasan itu ada pokok kapal terbang.



Tunggal memetik daunnya lalu mengunyah dengan giginya. Apabila daun itu lumat, Tunggal tampal di kulitnya yang terkena air panas. Baru rasa lega. Badan Tunggal juga rasa sejuk. Bagaimanapun, Tunggal terus diam di situ beberapa ketika untuk menghilangkan sakitnya. Tiga hari Tunggal tidak ke mana-mana. Ia terus bersembunyi di dalam longkang itu. Nasib baik longkang itu tidak ada air. Longkang itu juga ada

penutup simen. Jadi Tunggal terselamat kerana tidak ada sesiapa yang tahu ia berada di situ.

Hari keempat, Tunggal cuba keluar. Badannya pun agak lega. Ia juga amat lapar kerana sudah tiga hari tidak makan. Ia terjumpa seketul ikan tenggiri goreng yang dibuang. Ikan itulah yang menjadi makanannya. Tunggal tidak lapar lagi.

“Di mana-mana sahaja nampaknya aku tidak selamat, tapi aku mesti hidup,” bisik Tunggal.

Sejak Tunggal tinggal di hotel itu, ia berasa agak selamat. Tidak ada sebarang gangguan. Kucing lain tidak boleh

masuk. Tikus juga tidak boleh bergerak bebas kerana racun dan perangkap ada di mana-mana. Silap memilih makanan, tikus akan mati termakan racun. Silap memilih jalan, tikus boleh masuk perangkap. Sebab itu kawasan hotel tidak popular bagi tikus tinggal.



Tunggal hanya perlu mengawasi manusia. Kalau ia ditemui oleh pekerja hotel, ia juga akan menjadi mangsa. Manusia bukan sahaja mengejarnya tetapi akan memukul jika tidak sempat melarikan diri.

Tidak semua manusia jahat. Ada juga pekerja hotel itu nampak Tunggal tetapi ia tidak bertindak apa-apa. Malah ada yang memberi Tunggal makan dengan mencampak sisa-sisa makanan. Hidup Tunggal cukup mewah. Ia tidak perlu mencari makanan. Tunggal cukup gembira jika hotel itu ditempah untuk jamuan orang besar-besar. Kadang-kadang raja berangkat. Kalau ada jamuan besar, banyak makanan sedap akan dihidangkan. Orang besar tidak makan banyak. Oleh itu, banyak makanan terbuang. Inilah rezeki Tunggal.

Ia boleh makan bubur sirip ikan Yu, itik kukus, dan bermacam-macam lagi makanan yang lazat. Setelah setahun Tunggal diam di

hotel itu, ia semakin besar dan gemuk. Ia kini muncul sebagai seekor kucing yang sihat dan besar. Badan Tunggal besar dari kucing biasa. Mukanya seakan-akan harimau.

Bulu Tunggal berwarna perang bercampur hitam dan kuning. Sungguh comel. Kalau Tunggal ditemui oleh manusia, mungkin ia ditangkap dan dijadikan binatang peliharaan man



Suatu hari, Tunggal ingin keluar dari kawasan hotel itu. Ia tidak berminat lagi tinggal di situ kerana kesunyian. Tambahan pula, ia keseorangan. Tidak

ada kucing lain. Tunggal juga ingin mencari pasangan. Ia ingin mencari teman hidup. Tunggal akhirnya mengambil keputusan keluar dari kawasan itu. Ia ingin hidup bersama kucing-kucing lain. Ia perlukan kawan. Perlukan kasih sayang. Tunggal tahu, tempat yang paling sesuai ialah di kawasan Kedai Payung.

Tunggal memanjat pagar lalu keluar dan terus menuju Kedai Payung. "Wah, Indahnya alam di Kedai Payung! Manusia ramai. Kucing banyak. Tikus pun ada," bisik Tunggal. Dulu Tunggal takut tetapi sekarang Tunggal sudah besar. Ia tidak perlu takut. Sesiapa yang cuba menganggunya, ia akan melawan. Ketika Tunggal mula-mula sampai ke kawasan Kedai Payung, dua tiga ekor kucing lain

mengerlingnya. Tunggol tidak peduli. Tunggol cuba mendekati mereka, tetapi kucing-kucing itu lari.

Di bawah pokok, Tunggol terserempak dengan seekor kucing betina. Comel. Tunggol tersenyum. Kucing itu membalas senyuman Tunggol.

"Sendirian? Kalau tidak ada teman, saya boleh temankan," Tunggol menegur dengan berani.

"Tidak, saya ada teman! Saya sedang menunggunya," jawab kucing betina itu.

Koleksi Cerita Kanak-Kanak

Wali Kucing 2





Kucing betina itu tertarik kepada Tunggal. Sebentar kemudian datang kucing jantan yang ditunggu itu. Kucing itu ialah ketua kawasan itu. Namanya Calik. Ia anak bekas ketua di kawasan Kedai Payung.

"Siapa ni, siapa engkau?" tanya Calik dengan angkuh.

"Entah! Ia datang ganggu saya," jawab kucing betina.

"Oh, pendatang luar, ya? Hendak mati? Di sini, jangan main-main! Kalau hendak masuk kawasan ini harus minta kebenaran aku," ujar Calik.

"Ini bandar kerajaan. Siapa sahaja boleh tinggal di sini. Jangan hendak tunjuk kuasa," jawab Tunggal. Calik yang berkuasa di kawasan itu terus menerkam Tunggal. Mereka bergaduh. Bercakaran. Masing-masing hendak tunjuk gagah. Calik menaikkan ekor. Tunggal menaikkan ekor. Calik mengangkat kaki dan menghembur belakang. Tunggal turut melakukannya. Banyak juga kucing lain datang menyaksikan pertarungan itu.




"Penakut, cakap saja besar!" jerit Tunggal apabila melihat Calik lari.

Kucing betina yang melihat kekuatan Tunggal terus mendekati Tunggal, lalu meminta maaf. Akhirnya mereka berkawan baik. Sejak itu, Tunggal

lebih bebas dan rasa lega. Calik yang luka teruk berlari meminta bantuan kawan-kawannya. Mereka mesti berpakat menyerang Tunggal.

"Kita tidak boleh membiarkan kucing asing itu berkuasa di sini. Kita mesti hapuskannya," kata Calik kepada kawan-kawannya. Lima ekor kucing yang diketuai oleh Calik keluar mencari Tunggal. Ketika itu, Tunggal sedang bersiar-siar dengan temannya di tepi stadium dekat Kedai Payung.

Walaupun Tunggal menemui banyak kucing lain tetapi tidak seekor pun yang berani mengganggu Tunggal. Tikus juga takut pada Tunggal. Kini Tunggal berkuasa di kawasan stadium. Ketika Tunggal bersiar-siar dengan megahnya di kawasan stadium itu, datang Calik dan kumpulannya. Mereka tidak bercakap banyak. Mereka terus menyerang Tunggal.



Berlakulah pergaduhan, satu melawan lima. Dengan mudah sahaja Tunggal dapat mengalahkan kumpulan Calik. Semua kawan Calik lari bertempiaran. Mereka menderita kesakitan. Ada yang dicakar biji mata, ada yang terkoyak telinga, ada yang terkoyak hidung, dan ada yang luka mulut. Calik sendiri patah kaki. Ia tidak sempat lari. Calik terpaksa meminta nyawa dengan Tunggal. Tunggal tidak ada belas kasihan. Calik dibunuhnya.

Nama Tunggal kini terkenal. Ia ditakuti oleh semua kucing dalam bandar Kota Bharu. Semua kucing dalam bandar Kota Bharu jadi anak buahnya. Ia kini menjadi Raja Kucing yang digeruni oleh kucing-kucing lain. Malah ada juga anjing yang takut kepada Tunggal.

Tunggal ditakuti kerana ia zalim dan buas. Jika ada kucing yang cuba melawannya, Tunggal akan ganyang kucing itu habis-habisan. Jika tidak mati, kucing itu akan luka parah dikerjakan oleh Tunggal.

Kalau dulu Tunggol menjadi buruan, kini Tunggol pula yang menjadi pemburu. Ia akan mengejar sesiapa sahaja apabila berjumpa. Dengan keadaan ini, semua kucing dalam bandar Kota Bharu berada dalam ketakutan. Mereka mesti berhati-hati apabila keluar mencari makan. Bagi Tunggol, menyerang dan membunuh adalah suatu keseronokan. Ia tidak senang, jika tidak menyiksa kucing lain.

Ia bersikap begitu kerana ingin membalas dendam terhadap kucing-kucing yang pernah menyiksanya dulu.

Namun, beberapa tahun sahaja Tunggol hidup dalam kemewahan dan keseronokan. Kini, ia sudah semakin tua dan lemah. Tenaganya tidak kuat lagi.

Ia tidak mampu lagi mengejar atau berlari. Malah hendak bergerak pun, ia tidak berdaya lagi. Kucing-kucing lain sekarang tidak lagi takut padanya. Tunggal juga tidak mempunyai kawan-kawan lagi. Semua sahabat setianya sudah lari meninggalkannya. Selama ini mereka menghormati Tunggal kerana takut. Sekarang mereka tidak takut lagi pada Tunggal. Tunggal pula tidak lagi berani cakap besar. Ia tahu, dirinya tidak kuat lagi. Jika ia bercakap besar atau bertindak keras, ada kucing akan melawannya.

Namun demikian, Tunggal bijak. Ia tidak menunjukkan kelemahan dirinya. Ia kini berubah sikap. Tunggal menunjukkan sikap berbaik-baik. Oleh sebab itu, Tunggal masih dihormati oleh kucing-kucing lain. Pada suatu hari, Tunggal menjemput semua kucing datang ke rumahnya. Rumah Tunggal berdekatan dengan Hospital Besar Kota Bharu. Tunggal memilih kawasan ini kerana senang mendapatkan makanan.

Di sini makanan amat banyak. Ayam gulai, ayam

goreng, dan berbagai-bagai jenis lauk dibuang begitu sahaja oleh pekerja hospital. Pihak hospital menyediakan makanan untuk pesakit. Mereka dihidangkan dengan pelbagai jenis lauk.



Orang sakit jarang berselera hendak makan. Banyak makanan dan lauk yang tidak habis dibuang begitu sahaja. Begitulah mewahnya negara kita. Di sinilah rumah Tunggal. Malam itu, ramai kucing datang rumah Tunggal. Tunggal memberitahu mengapa mereka dijemput.

"Saya ingin menyerahkan kuasa kepada anda. Saya sudah tua. Jadi anda pilihlah sesiapa sahaja menjadi ketua menggantikan saya," jelas Tunggal. Mulai hari itu, kucing lain pula menjadi ketua. Sekarang Tunggal tidak ada kuasa. Apabila tidak ada kuasa, tidak ada lagi yang menghormati Tunggal.

Rumah Tunggal juga kini tidak dikunjungi oleh sesiapa. Tunggal tinggal kesunyian. Tunggal juga semakin uzur. Ia tidak berdaya hendak bergerak lebih jauh. Ia sering kelaparan kerana tidak ada makanan. Kucing-kucing lain tidak sudi menjengok lagi.

Pada suatu hari, Tunggal amat lapar. Sudah dua hari ia tidak makan. Badannya lemah dan panas. Tunggal tinggal dalam stor dekat bilik mayat. Tunggal berasa ia akan mati, jika tidak mendapat makanan. Sepanjang Tunggal diam di situ, ia selalu melihat ramai manusia yang mati. Ada yang mati kemalangan, mati akibat penyakit kencing manis atau mati berpenyakit lemah jantung. Semua manusia yang meninggal di hospital akan disimpan dalam bilik mayat sehinggalah dituntut oleh keluarga mereka.



"Aku pun mungkin akan mati tidak lama lagi," bisik Tunggal. Ia berjalan perlahan mendekati tingkap. Tunggal memerhati sekeliling. Ia ternampak banyak kepala udang galah. Kulit kepala udang itu ialah sisa makanan terbuang yang dibawa oleh pengikut-pengikut Tunggal sewaktu ia berkuasa dulu.

Tunggal memungut kulit kepala udang itu. Apabila semuanya terkumpul. Tunggal mengikatnya dengan tali rapia. Diperbuatnya seperti kalung. Kelihatan cantik kerana kulit kepala udang itu berwarna merah. Kalung kulit kepala udang itu rupa-rupanya dijadikan buah tasbih oleh Tunggal. Tunggal juga sekarang memakai jubah putih. Kepalanya dibelit dengan kain putih. Mukanya juga putih ditutup dengan kapas.

Dengan berpakaian begitu, Tunggal kelihatan seperti seorang wali. Sambil duduk mencangkung, Tunggal membilang buah tasbih sambil kepalanya tergeleng-geleng macam orang meratib. Pada suatu

hari, Tunggal menggagahi dirinya keluar dari bilik itu. Ia berdiri di tepi longkang sambil memerhati keliling. Tiba-tiba datang seekor tikus. Tikus itu cedera di kaki.

Pada mulanya, tikus itu hendak lari apabila melihat Tunggal, tetapi Tunggal sempat memanggil tikus itu.

"Jangan lari! Saya bukan kucing jahat. Saya wali," jerit Tunggal.



"Anak sakit apa? Pak cik lihat macam luka parah," kata Tunggal lagi.

Tikus itu tidak jadi lari. Lagipun ia tidak berdaya hendak lari kerana pahanya luka parah. Tikus itu memerhati Tunggal. Ia lihat Tunggal seperti kucing

baik.

"Mari pak cik ubatkan. Jangan takut!" tambah Tunggal.

Tikus itu mendekati Tunggal. Ia ragu-ragu, tetapi apabila melihat Tunggal baik, ia percaya. Tikus itu menunjukkan lukanya.

"Oh, ini sikit sahaja! Nanti pak cik ubatkan." Tunggal mengambil sehelai kain pembalut luka yang terdapat dalam bekas sampah. Kain itu dibuang oleh pekerja hospital. Ubat kuning masih banyak terdapat pada kain itu. Setelah membalut luka itu, Tunggal menyuruh tikus itu masuk ke biliknya. Tikus itu mengikut sahaja kerana ia tidak larat hendak berjalan.

Dua malam tikus itu menumpang di bilik Tunggal. Sesudah kurang sakitnya, tikus memohon diri hendak pulang. Tunggal hanya tersenyum. Tikus itu pun keluar. Esok, tikus itu datang semula ke bilik Tunggal.

Kali ini ia membawa makanan untuk Tunggal.

"Makanlah pak cik!" kata tikus itu.



"Terima kasih, nak! Pak cik tolong bukan minta balasan. Pak cik tolong kerana kita sama-sama haiwan," kata Tunggal.

"Pak cik! Ibu saya luka parah kena paku. Boleh pak cik tolong ubatkan?" kata anak tikus itu.

"Boleh, saya cuba? Bawalah ke bilik pak cik," jawab Tunggal. Anak tikus itupun cepat-cepat pulang. Malam itu ia datang membawa ibunya. Ibunya luka di dada. Tunggal menggunakan ubat kuning untuk mengubat luka itu. Setelah dibalut, tikus itu pun

bermalam di situ. Pagi esok, mereka pulang. Seminggu kemudian tikus dua beranak itu datang lagi. Mereka cukup gembira kerana luka mereka sudah sembuh. Mereka tidak takut lagi pada Tunggal. Malah, mereka sering datang mengunjungi Tunggal sambil membawa makanan.

Sekarang Tunggal tidak sunyi lagi. Ia sudah ada kawan. Nama Tunggal juga semakin terkenal. Ia dipanggil Wali Kucing. Sudah banyak tikus yang sakit diubati oleh Tunggal. Kini tikus-tikus itu percaya kepada Tunggal. Tunggal dianggap 'Wali'. Tunggal kini sudah terasa jeratnya akan mengena. Ia begitu kepingin hendak merasa daging tikus. Sudah lama ia tidak makan daging tikus, tetapi ia tidak boleh bertindak bodoh.



Ia mesti kekalkan imejnya sebagai wali.

Pada suatu hari, Tunggal memberitahu tikus-tikus di kawasan itu supaya jangan mengunjunginya rumahnya selama seminggu.

"Saya akan pergi bertapa selama tiga hari tiga malam. Tuan-tuan jangan datang buat sementara waktu. Kalau ada apa-apa masalah, sila datang minggu depan," pesannya. Sebenarnya, Tunggal tidak pergi ke mana-mana. Ia hanya bersembunyi dalam sebuah kotak sabun. Ini hanya helahnya sahaja. Tunggal ingin menambah lagi keyakinan tikus terhadapnya.

Sekarang tikus-tikus itu begitu percaya kepada Tunggal. Tunggal pandai berlakon. Walau di mana ia berada dan dengan siapa Tunggal bercakap, ia sentiasa membilang tasbihnya. Tunggal kelihatan benar-benar warak. Seminggu kemudian, Tunggal keluar dari tempat persembunyiannya. Sekarang

Tunggal kelihatan lebih warak. Tubuhnya kelihatan lebih gemuk dan banyak bulu putih. Bulu itu ialah kapas. Tunggal menampal lebih banyak kapas di badannya.

"Saya pergi menambah ilmu. Kita hidup mesti banyak belajar. Banyak lagi yang kita tidak tahu. Kita mesti belajar sampai mati," kata Tunggal pada suatu pagi apabila dia dikunjungi. Seekor tikus tua turut serta dalam majlis itu. Ia ingin belajar ilmu dengan Tunggal. Lalu ia bertanya, "Bolehkah saya ikut belajar, Tok Wali?"